

11 MAY 1999

Parlimen-Tanggung

PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT DITANGGUH SETELAH BERSIDANG 21 HARI

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat yang bermula pada 6 April lepas ditangguhkan hari ini sehingga satu tarikh yang belum ditetapkan.

Persidangan Penggal Kelima Parlimen Kesembilan itu dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar pada 5 April sebelum mesyuarat Dewan Rakyat bermula keesokannya dan berlangsung selama 21 hari.

Sepanjang persidangan itu dua usul penting dibentangkan iaitu usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 22 April.

Usul Kertas Putih mengenai Status Ekonomi Malaysia pula dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 6 April.

Sebanyak 17 rang undang-undang telah diluluskan, empat daripadanya diluluskan hari ini.

Rang Undang-undang yang diluluskan hari ini ialah Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1999, Rang Undang-undang Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999, Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 1999 dan Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 1999.

Sebelum itu persidangan meluluskan pindaan kepada enam rang undang-undang berkaitan disiplin dan tindakan tatatertib kakitangan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian.

Antara rang undang-undang itu ialah Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998, Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1998, Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1998 dan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1998.

Rang undang-undang lain yang turut diluluskan sebelum itu termasuk Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998&1999) 1999, Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998, Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1998 dan Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1999.

-- BERNAMA

NZ NMO